

PENAKIK PISAU SESERAUT

SIRI KETIGA

Oleh:

A. Samad Idris



PEPATAH atau perbilangan adalah menjadi asas dan panduan dalam melaksanakan pentadbiran. Mereka yang memegang teraju adat seperti Buapak, Lembaga dan Penghulu adalah orang-orang yang arif dengan perbilangan ini. Sebelum mereka dilantik menyandang jawatan tersebut ia telah diuji lebih dahulu sebagai satu syarat penting bagi menentukan kelayakan seseorang.

Pepatah ini telah diciptakan oleh orang-orang Minangkabau dahulu adalah berdasarkan pengalaman setelah merenung kejadian alam sekeliling. Cuba amat-amati pepatah yang berupa pantun enam kerat di bawah ini:

Penakik pisau seseraut
Ambil galah batang lintabung
Seludang jadikan nyiru
Setitik jadikan laut
Sekepal jadikan gunung
Alam terkenbang, jadikan guru.

Dalam siri ini saya cuba menggambarkan sedikit sebanyak perkara yang menjadi kontroversi atau kurang kefahaman bagi setengah-setengah orang mengenai apa yang dikatakan 'adat' itu.

Adat sebenarnya dalam pengertiannya yang khusus ialah, "undang-undang." Kalau kita sekarang membuat undang-undang dengan cara bertulis dan diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, tetapi orang-orang tua dulu oleh kerana mereka tidak pandai membaca dan menulis maka adat atau undang-undang itu adalah dihafaz atau dilancar oleh pemuka-pemuka adat tadi. Biasanya ia dibincang dalam satu kerapatan di Balai Rong Seri di istana.

Adat ini terbahagi kepada empat peringkat atau kategori:

1. Adat nan sebenar adat
2. Adat nan teradat
3. Adat nan diadatkan
4. Adat istiadat.

Kekeliruan yang timbul dari setengah pihak mengenainya ialah pentafsiran atau istilah adat itu. Mereka beranggapan yang dikatakan adat itu ialah dalam kategori keempat, iaitu adat istiadat. Semuanya ini berlaku bermula dari kedatangan penjajah Inggeris dulu yang memperkenalkan dan melaksanakan undang-undang yang dipaksakan secara halus maka jadilah adat itu hanya sebagai perhiasan atau terlingkung dalam seni budaya sahaja seperti nikah kahwin, adat di istana, upacara-upacara rasmi dan seumpamanya. Padahal sebelum kedatangan Inggeris pentadbiran negeri-negeri Melayu ini adalah berdasarkan dan peraturan adat ini.

Kalau di Negeri Sembilan pentadbiran negeri menurut adat Papatih, di negeri-negeri Melayu yang lain menurut sistem adat Temenggong, dari sinilah bermulanya kekeliruan itu.
Bersambung.